



Rujukan Kami : PMKL.600-1/1/2 Jld 4 (18)
Tarikh : 09 Julai 2024

Kepada,
Pelajar Sem 2-7 & Mengulang Kursus/Menangguh Pengajian Politeknik METrO Kuala Lumpur

Saudara/saudari,

LAPOR DIRI PELAJAR SEM 2-7 & MENGULANG KURSUS/MENANGGUH PENGAJIAN SESI I : 2024/2025

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL) ingin mengucapkan **TAHNIAH** kepada saudara/saudari kerana berjaya menyambung pengajian bagi sesi pengajian **Sesi I: 2024/2025**. Adalah dimaklumkan bahawa tarikh laporan diri pelajar semester 2-7 dan mengulang kursus/menangguh pengajian seperti ketetapan berikut:

Program	Tarikh
DHM 5, DHM 6 (Work Based Learning)	15 Julai 2024
DRM 4A, 4B, 5A & 5B (Work Based Learning)	
DDT 8 (Latihan Industri)	
DRM 3A & 3B	05 Ogos 2024
DHM 2, 3 & 4	
DDT 3, 5 & 6	
DIT 2 & DRO 2	

3. Sehubungan itu, semua pelajar senior Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL) **DIWAJIBKAN** membuat pra pendaftaran **DALAM TALIAN (ONLINE)** mulai **15 Julai 2024** selepas 2 hari pembayaran yuran iPayment dibuat. Sila layari **Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP)** Politeknik METrO Kuala Lumpur melalui URL <http://spmp.pmkl.edu.my> (icon *i-HELP* dan *i-DAFTAR*) untuk melakukan pendaftaran *online* dan rujuk portal rasmi PMKL <https://pmkl.mypolycc.edu.my/> bagi mengetahui tatacara pendaftaran *online*, jumlah yuran pengajian dan bayaran pelbagai yang perlu dibayar mengikut program dan semester yang ditetapkan. Pelajar yang tidak mendaftar secara *online* **TIDAK DIBENARKAN** mengikuti kuliah, makmal atau menggunakan sebarang kemudahan Politeknik.

4. Untuk makluman, rekod kehadiran kuliah akan diambil kira bermula pada tarikh rasmi perkuliahan/latihan industri/work based learning mengikut program di dalam jadual.


5. Sila hubungi Penasihat Akademik masing-masing sekiranya saudara-saudari menghadapi sebarang kemusykilan berkaitan lapor diri ini.
6. Kegagalan saudara/saudari mematuhi arahan di atas boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh diambil tindakan di bawah Peraturan Politeknik KPT.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. ROSEMAN BIN MAT JIDIN @ JIDIN)
Pengarah

